

Soalan : TATACARA PERMOHONAN PELUPUSAN REKOD AWAM SECARA UMUM.

Rekod tersebut perlu dibuat pelupusan dengan mendapatkan Kebenaran Kelulusan Pelupusan dari Arkib Negara Malaysia berdasarkan tatacara yang telah ditetapkan.

Bagi permohonan pelupusan rekod **Urusan Am**, sila rujuk **Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am (JPR AM) 2012, Arkib Negara Malaysia**.

Manakala bagi rekod **urusan Kewangan dan Perakaunan**, sila rujuk **Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan (JPR Kewangan) 2008**. Bagi rekod urusan Am yang telah ditetapkan musnah seperti yang dinyatakan di dalam JPR, Sila lengkapkan **Borang Arkib 2/08**, manakala bagi rekod Kewangan dan Perakaunan, permohonan pelupusan hendaklah menggunakan **Borang Kewangan - Arkib 4/08**.

Bagi maklumat lanjut dan tatacara pengisian Borang Arkib, perlu merujuk dan muat turun maklumat di Laman Sesawang Arkib Negara Malaysia :-

- 1) **Panduan Pelupusan Rekod Awam** [Tatacara bagaimana mengisi borang dan spesifikasinya] dan;
- 2) **Tatacara Penggunaan Jadual Pelupusan Rekod (JPR)** [Bagaimana untuk mengguna pakai JPR Urusan Am, Urusan Fungsian dan Urusan Kewangan dan Perakaunan].
- 3) **Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am (JPR AM) 2012, Arkib Negara Malaysia**.
- 4) **Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan (JPR Kewangan) 2008**
 - **Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am, Jadual Pelupusan Rekod Kewangan, Perakaunan, Panduan Pelupusan Rekod Awam, Tatacara Penggunaan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) dan Borang Pelupusan** ini boleh dimuat turun di laman sesawang Arkib Negara Malaysia www.arkib.gov.my
 - Bagi permohonan Pelupusan Rekod Awam dari **peringkat Negeri**, permohonan hendaklah dihantar ke **Pejabat Arkib Negara Malaysia Negeri**. *(KECUALI Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Selangor Darul Ehsan dan Negeri Sembilan Darul Khusus melalui **Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia di Ibu Pejabat Kuala Lumpur**)